

KPT tidak halang pelajar kekangan wang daftar di universiti awam

• Oleh Utusan Malaysia - 1 June , 2026 @ 05:00pm



Menteri Kementerian Pendidikan Tinggi - Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir

PETALING JAYA: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memberi jaminan bahawa tiada pelajar yang menerima tawaran ke Universiti Awam (UA) akan dihalang daripada mendaftar walaupun menghadapi masalah kewangan. Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir menegaskan bahawa kerajaan sentiasa komited membantu pelajar, khususnya daripada golongan B40, bagi memastikan mereka dapat melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi tanpa dibebani kekangan kewangan.

Menurut beliau, pelbagai bentuk bantuan disediakan termasuk Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) sebanyak RM1,500 melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), kemudahan pembiayaan pendidikan, penempatan di kolej kediaman bersubsidi serta program Dapur Siswa. Selain itu, inisiatif Baucar Buku Madani turut diteruskan bagi membantu pelajar mendapatkan bahan pembelajaran. Langkah-langkah ini mencerminkan usaha kerajaan untuk memperluaskan akses pendidikan tinggi dan meringankan beban kos sara hidup mahasiswa.